

22/08/1999

Pucuk pimpinan tentukan calon

PASIR MAS: Ahli Umno dinasihati tidak membuat keputusan awal dalam menentukan bakal calon pilihan raya umum akan datang, sebaliknya memberi tumpuan memperkukuhkan jentera parti menghadapi pembangkang.

Ahli Majlis Tertinggi (MT) Umno, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata sikap terlalu awal memperkenalkan pemimpin tertentu sebagai calon bagi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan Parlimen masing-masing, bukan saja boleh mencetuskan perpecahan tetapi membelakangkan keputusan parti.

Oleh itu, katanya, lebih baik perkara itu dilupakan kerana soal penentuan bakal calon akan dibuat oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang juga Presiden Parti.

Beliau berkata, kebelakangan ini ada segelintir ahli Umno terlalu ghairah menonjolkan pemimpin kesayangan mereka sebagai calon tanpa menyedari tindakan itu tidak disenangi ahli lain.

"Saya hendak ingatkan kepada ahli Umno bahawa pemilihan calon untuk setiap DUN dan Parlimen akan hanya ditentukan pucuk kepimpinan tertinggi parti dan bukan oleh Ketua Umno bahagian, Ahli MT, mahupun Menteri.

"Kalau mereka ini tidak boleh menentukan siapa calon, apatah lagi saudara-saudara sebagai ahli. Dengan itu, baik kita lupakan soal itu dan sama-sama beri perhatian bagaimana hendak menewaskan Pas pada pilihan raya umum ini," katanya selepas menghadiri majlis bersama rakyat di rumah Ketua Umno cawangan Kampung Periok Hilir, dekat sini, kelmarin.

Ibrahim berkata, walaupun beliau memegang beberapa jawatan dalam parti seperti Ketua Umno bahagian Pasir Mas, Ahli MT dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, tetapi kedudukan itu masih belum menjamin dipilih sebagai calon.

"Saya sendiri tidak berani meletakkan diri saya sebagai calon sama ada di DUN atau Parlimen kerana sedar pemilihan calon akan ditentukan oleh pucuk kepimpinan parti.

"Sebagai pemimpin Umno yang berjuang atas kepentingan parti, saya akan memperbanyakkan program turun ke bawah untuk bertemu mata dengan rakyat dan menyatupadukan mereka bagi memastikan BN dan Umno menang.

"Kalau ada pihak mendakwa tindakan ini sebagai usaha berkempen untuk diri saya, itu tidak benar. Saya buat begitu bukan kerana menganggap saya adalah calon, tetapi kerana parti," katanya.

Menurut Ibrahim, beliau tidak gentar berhadapan dengan Pas tetapi perkara paling ditakutinya ialah soal pemilihan calon kerana perkara itu sedikit sebanyak boleh menimbulkan rasa tidak puas hati segelintir ahli.

"Inilah perkara pokok yang amat saya takut sekali. Saya langsung tidak gentar kepada Pas kerana saya tahu siapa mereka sebenarnya," katanya.

(END)